

**AS-SALIHIN TRUSTEE BERHAD
PRODUK PERANCANGAN HARTA PUSAKA – PERJANJIAN
ASET PEROLEHAN BERSAMA**

Tarikh:

[Tarikh hendaklah dilengkapkan oleh Staf Jualan]

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Produk Perancangan Harta Pusaka-Perjanjian Aset Perolehan Bersama as-Salihin Trustee Berhad. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada kami sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian daripada dokumen ini atau terma umum berkaitan.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menawarkan pasangan suami isteri untuk membuat deklarasi, secara bersama, untuk menentukan aset yang diperolehi bersama semasa perkahwinan diagihkan mengikut pengagihan yang dipersetujui.

2. Apakah Kontrak Syariah yang terpakai?

- i. Wakalah : satu kontrak agensi yang mana bank bertindak sebagai agen yang menawarkan produk Perjanjian Aset Perolehan Bersama.

Konsep Harta Sepencarian. Harta Sepencarian ialah undang-undang adat Melayu. Walau bagaimanapun sekiranya sesuatu adat itu selari dengan Hukum Syariah, ia boleh diterima dan dibenarkan dalam Islam. Memandangkan ia dibenarkan dalam Islam, persetujuan bersama yang dibuat dalam satu perjanjian sangat digalakkan untuk mengelakkan sebarang masalah berlaku di kemudian hari. Tambahan, ia adalah untuk kepentingan orang ramai (masalah mursalah).

3. Apakah manfaat/faedah yang saya boleh perolehi daripada Perjanjian Aset Perolehan Bersama?

- i. Perbalahan terhadap harta dalam perkahwinan, terutamanya ketika berlaku penceraian, kematian atau poligami selalu terjadi, hampir setiap hari, di Mahkamah Syariah dalam negara kita. Laporan undang-undang telah banyak dikeluarkan berkaitan kes sebegini, dan sering kali terjadi, perbalahan dalam keluarga yang teruk berlaku sepanjang proses perceraian meninggalkan kesan yang buruk mengambil masa bertahun-tahun untuk diselesaikan. Produk ini bertujuan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan, jika ianya tidak dapat menamatkan sepenuhnya masalah yang berlaku.
- ii. Aset di bawah Perjanjian Aset Perolehan Bersama bukan sebahagian daripada harta pusaka si mati dan ia perlu diselesaikan sebelum pembahagian secara Faraid dilaksanakan.

4. Berapakah kos membuat Perjanjian Aset Perolehan Bersama?

Bayaran minimum adalah sebanyak RM1,000.00 dan sebanyak RM250 dikenakan sebagai yuran proses.

5. Fi Pembatalan (pada peringkat draf)

RM250.00 akan dicaj sekiranya dokumen (draf) telah dikeluarkan.

6. Bolehkah pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka membuat Perjanjian Aset Perolehan Bersama?

Pasangan suami isteri mesti mendaftarkan perkahwinan mereka dengan pihak berkuasa Islam tempatan yang berkenaan sebelum boleh menandatangani dokumen/produk ini.

7. Bolehkah saya meminda atau membatalkan Perjanjian Aset Perolehan Bersama?

Pasangan suami isteri mesti bersama-sama bersetuju untuk membatalkan dokumen ini secara bertulis dengan menandatangani dokumen pembatalan.

8. Apakah terdapat risiko?

Untuk aset yang masih berhutang, ketika berlaku penceraian atau poligami, aset berkenaan hanya boleh dipindahmilik kepada penerima setelah hutang tertunggak diselesaikan.

9. Di mana boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya pihak anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Perjanjian Aset Perolehan Bersama, sila hubungi:

Bank Muamalat Malaysia Berhad